



KPM.600-7/1/5 Jld 13 ( 79 )  
18 April 2018

## Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **BENKEL JR. NBA COACHES ACADEMY 2018 DI NEGERI PERAK, KEDAH, PERLIS DAN PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa NBA Asia dan *Dutch Lady* Malaysia dengan kerjasama Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menganjurkan **Bengkel Jr. NBA Coaches Academy 2018** bagi sukan Bola Keranjang di negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

3. Bengkel *Jr. NBA Coaches Academy* ini bertujuan untuk berkongsi dengan para **guru Pendidikan Jasmani** dan **guru penasihat kelab/jurulatih Bola Keranjang** tentang pengajaran dan pembelajaran (PdP) permainan Bola Keranjang secara efektif dan menyeronokkan oleh jurulatih antarabangsa NBA. Penyertaan adalah **PERCUMA** dan setiap peserta akan dibekalkan **Buku Panduan Latihan Bola Keranjang Jr. NBA** dan bahan bantu mengajar yang lain daripada pihak pengelola.

4. Sehubungan dengan itu, jasa baik YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dimohon agar dapat menghantar guru-guru di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menyertai bengkel tersebut. Pendaftaran adalah secara atas talian di **[www.JrNBA.Asia/Malaysia](http://www.JrNBA.Asia/Malaysia)** mulai 19 April 2018.

5. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan juga, sajian akan disediakan oleh pengelola, manakala tuntutan perjalanan mohon ditanggung oleh Jabatan/Sekolah atau peserta sendiri, tertakluk kepada peruntukan Jabatan/Sekolah dan budi bicara Ketua Jabatan masing-masing.

... 6. Bersama-sama ini disertakan maklumat lanjut berkenaan bengkel tersebut dalam **Lampiran 1** untuk rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Cik Lim Tou Jing di talian 03-88841346/013-2285432, emel [lim.toujing@moe.gov.my](mailto:lim.toujing@moe.gov.my) atau penyelaras penganjur, Cik Corrine Ho di talian 017-8126771, emel [corrine@eplusglobal.com](mailto:corrine@eplusglobal.com).

.../2

Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(ZAINAL BIN ABAS)**  
b.p. Pengarah  
Bahagian Sukan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

LTJ/lj

s.k. : 1. Ketua Unit Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri  
2. Pengurus Pemasaran, *Dutch Lady* Malaysia  
3. NBA Asia, *Limited*, Hong Kong  
melalui *E-Plus Entertainment Productions (M) Sdn. Bhd.*

## **Senarai Edaran**

1. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Berarama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
2. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Swasta
3. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
4. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
5. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
6. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang

**Jr. NBA Coaches Academy 2018**  
**di Negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang**

<b>Negeri</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Venue</b>
PERAK	02 Mei 2018 (Rabu) 8.00 pg – 6.00 ptg	<b>SMJK Poi Lam</b> Lot 18274, Jalan Simpang Pulai, Lahat, 31500 Ipoh, Perak.
KEDAH	03 Mei 2018 (Khamis) 8.00 pg – 6.00 ptg	<b>SJKC Yih Min</b> Simpang Empat, Alor Setar, Kedah
PERLIS		
PULAU PINANG	04 Mei 2018 (Jumaat) 8.00 pg – 6.00 ptg	<b>SMJK Jit Sin</b> Jalan Binjal, Taman Sri Rambai, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

**Nota Penting :**

**Pakaian** : Pakaian sukan yang lengkap.

**Kenderaan** : Para peserta adalah digalakkan hadir dengan menggunakan kenderaan awam/berkongsi kereta untuk mengelakkan kesukaran mencari tempat parkir.